



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**INSENTIF CUKAI BAGI PELABUR  
MANGKIN**

**KETETAPAN UMUM NO. 12/2020**

**TARIKH PENERBITAN: 17 NOVEMBER 2020**



Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 16 Disember 2015

© 2020 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Kriteria bagi Pelabur Mangkin	2
6. Kriteria bagi Syarikat Penerima Pelaburan	3
7. Insentif Cukai	4
8. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan	10
9. Ketidakkpakaian	10
10. Perbezaan antara Pemodal Teroka dan Pelabur Mangkin	10
11. Kemaskini dan Pindaan	14
12. Penafian	14

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. **Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan insentif cukai yang diberikan kepada seorang pelabur mangkin yang telah melabur dalam sebuah syarikat penerima pelaburan.

## 2. **Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 8, 20 dan 21.

2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah:

(a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014 [*P.U.(A) 167/2014*];

(b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2015 [*P.U.(A) 42/2015*];

(c) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014 (Pindaan) 2017 [*P.U.(A) 411/2017*]; dan

(d) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014 (Pindaan) 2019 [*P.U.(A) 399/2019*].

## 3. **Tafsiran**

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 “Individu” bermaksud orang biasa.

3.2 “Pelaburan” bermaksud pemegangan syer yang dibayar dengan tunai, berkenaan dengan syer biasa dalam suatu syarikat penerima pelaburan.

3.3 “Pelabur mangkin” adalah seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5.

3.4 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) menurut seksyen 7 atau 8 ACP.

3.5 “Syarikat penerima pelaburan” adalah seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.

3.6 “Tahun asas” mempunyai maksud yang diberikan oleh seksyen 20 ACP.

3.7 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

3.8 “Tempoh asas” bermaksud tempoh asas sepertimana yang ditentukan mengikut seksyen 21 ACP.

#### 4. Pengenalan

Kerajaan telah memberikan satu insentif cukai bagi pelaburan yang dibuat oleh seorang pelabur mangkin dalam sebuah syarikat penerima pelaburan yang layak dan merupakan sebuah syarikat permulaan berasaskan teknologi di peringkat awal mulai dari 1.1.2013. Kedua-dua pelabur mangkin dan syarikat penerima pelaburan perlu mematuhi peraturan-peraturan berkaitan dengan insentif cukai. Bagi melayakkan diri untuk insentif cukai, semua bakal pelabur mangkin perlu mengemukakan permohonan kepada Malaysian Business Angel Network (MBAN) untuk memastikan kriteria kelayakan dipenuhi dan mendapat pentauliahkan sebagai pelabur mangkin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman sesawang MBAN di [www.mban.com.my](http://www.mban.com.my).

Sebuah syarikat penerima pelaburan juga perlu diperakui oleh Angel Tax Incentive Office (ATIO) (sebuah unit di bawah Cradle Fund Sdn Bhd yang merupakan suatu agensi di bawah Kementerian Kewangan) sebagai layak untuk dilaburkan oleh seorang pelabur mangkin yang telah ditauliahkan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman sesawang Cradle Fund Sdn Bhd di [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my).

#### 5. Kriteria bagi Pelabur Mangkin

Pada amnya, seorang pelabur mangkin adalah seorang individu berpendapatan tinggi yang menyediakan pembiayaan yang diperlukan untuk memulakan suatu perniagaan sebagai pertukaran pemilikan syer dalam syarikat penerima pelaburan. Untuk melayakkan diri bagi pengecualian cukai, seorang pelabur mangkin perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) mesti bermastautin di Malaysia;
- (ii) punca pendapatan tidak diperoleh daripada punca perniagaan semata-mata;
- (iii) pelaburan semata-mata untuk membiayai aktiviti syarikat penerima pelaburan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan amaun pelaburan tidak melebihi 30% daripada keseluruhan modal syer berbayar syarikat penerima pelaburan;
- (iv) permohonan untuk membuat pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan dibuat pada atau selepas 1.1.2013 tetapi tidak lewat dari 31.12.2023 bagi mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan; dan
- (v) tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan syarikat penerima pelaburan iaitu tiada modal berbayar syarikat penerima pelaburan dimiliki oleh ibu atau bapa, termasuklah ibu atau bapa mertua, anak termasuklah anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang, abang, kakak atau adik, atau datuk, nenek atau cucu atau suami atau isteri kepada pelabur tersebut.

### Contoh 1

Ali, seorang pelabur mangkin bertauliah merupakan bapa kepada salah seorang pemegang syer Tech Maju Sdn Bhd, sebuah syarikat penerima pelaburan yang layak dan diperakui oleh ATIO. Ali membuat pelaburan dalam Tech Maju Sdn Bhd.

Untuk tujuan insentif cukai bagi seorang pelabur mangkin, pelaburan yang dibuat oleh Ali dalam Tech Maju Sdn Bhd tidak layak untuk insentif cukai memandangkan ia adalah pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan di mana salah seorang pemegang syer adalah anak Ali.

### 6. Kriteria bagi Syarikat Penerima Pelaburan

Sebuah syarikat penerima pelaburan adalah sebuah syarikat permulaan yang diperakui oleh ATIO sebagai layak untuk dilaburkan oleh seorang pelabur mangkin yang berkelayakan bagi tujuan insentif cukai pelabur mangkin. Pada amnya, syarikat permulaan adalah sebuah syarikat di peringkat paling awal pembangunan yang menumpukan perhatian kepada pembangunan produk, mendapatkan pembiayaan, membuat struktur asas perniagaan dan memulakan operasi atau perdagangan.

Sebuah syarikat hendaklah memenuhi kriteria berikut untuk layak sebagai sebuah syarikat penerima pelaburan:

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia;
- (b) sekurang-kurangnya 51% daripada modal syer biasa dikeluarkan syarikat dimiliki secara langsung oleh pemegang syer (selain daripada bakal pelabur mangkin yang berniat untuk melabur dalam syarikat penerima pelaburan) yang merupakan warganegara Malaysia; dan
- (c) mesti menjalankan aktiviti seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Pada masa ini, antara aktiviti yang diluluskan berhubung dengan industri pertumbuhan tinggi atau teknologi tinggi adalah seperti berikut:

- (i) elektronik dan teknologi maklumat lanjutan;
- (ii) telekomunikasi;
- (iii) peralatan/instrumentasi, sistem pembuatan automasi dan fleksibel;
- (iv) penjagaan kesihatan;
- (v) elektro-optik, optik bukan linear dan optoelektronik;
- (vi) bahan lanjutan;

- (vii) pengangkutan;
- (viii) perkhidmatan tambah nilai; dan
- (ix) teknologi memuncul.

Maklumat lanjut berkaitan permohonan boleh diperolehi daripada laman sesawang Cradle Fund Sdn Bhd.

## **7. Insentif Cukai**

7.1 Insentif cukai yang diberikan kepada seorang pelabur mangkin adalah pengecualian cukai berkaitan dengan pendapatan agregat bagi tempoh asas untuk suatu TT, dalam TT kedua berikutan TT di mana pelaburan dibuat. Jumlah pendapatan agregat yang dikecualikan adalah amaun yang bersamaan dengan amaun pelaburan yang dibuat oleh seorang pelabur mangkin dalam syarikat penerima pelaburan.

Sila rujuk laman sesawang Cradle Fund Sdn Bhd untuk maklumat lanjut.

7.2 Di mana amaun pelaburan melebihi pendapatan agregat seorang pelabur mangkin untuk tempoh asas bagi suatu TT, amaun lebihan pelaburan diabaikan. Dalam erti kata lain, amaun lebihan pelaburan tidak akan dibayar balik atau digunakan sebagai suatu kredit untuk ditolak daripada cukai yang kena dibayar bagi TT yang berikutnya.

7.3 Pengecualian yang diberikan adalah tertakluk kepada syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat kelulusan bagi pelaburan, yang hendaklah termasuk seperti berikut:

- (a) pelaburan tidak boleh dilupuskan (sepenuhnya atau sebahagian) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pelaburan itu dibuat; dan
- (b) amaun pelaburan yang dibuat untuk tempoh setahun adalah tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM500,000.

7.4 Pengecualian cukai boleh ditarik balik oleh Menteri Kewangan jika seorang pelabur mangkin tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Menteri dalam surat kelulusan untuk pelaburan.


7.5 Berikut adalah ilustrasi yang menunjukkan tempoh pemegangan syer dan kelayakan untuk pengecualian cukai:

### **Contoh 2**

Iqbal telah ditauliahkan sebagai seorang pelabur mangkin oleh MBAN. Beliau telah melabur RM500,000 daripada dana peribadinya dalam syarikat permulaan, ABC Ventures Sdn Bhd pada 1.1.2019. ABC Ventures Sdn Bhd telah diperakui sebagai sebuah syarikat penerima pelaburan oleh ATIO dan

permohonan pelaburan telah dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan. Syarikat penerima pelaburan menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

Tempoh pemegangan syer Iqbal dan kelayakan untuk pengecualian cukai diringkaskan seperti berikut:



Sekiranya Iqbal tidak melupuskan pelaburannya dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pelaburan itu dibuat iaitu sebelum 31.12.2020, beliau akan layak mendapat pengecualian cukai berkenaan dengan pendapatan agregatnya dalam TT 2021, yang merupakan TT kedua berikutan TT 2019 apabila pelaburan itu dibuat.

### Contoh 3

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 dan pendapatan Iqbal bagi TT 2021 adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Pendapatan berkanun daripada perniagaan	150,000
Pendapatan berkanun daripada penggajian	300,000
Pendapatan agregat	<u>450,000</u>



**Pengiraan Jumlah Pendapatan**

	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pendapatan agregat		450,000
Tolak:		
Pelaburan yang diluluskan di bawah insentif cukai bagi pelabur mangkin	500,000	
Terhad kepada	<u>450,000</u>	450,000
Diabaikan	<u>50,000</u>	
Jumlah pendapatan		<u>Tiada</u>

Bagi TT 2021, Iqbal tidak dikenakan cukai kerana amaun pelaburan (RM500,000) yang dibuat dalam syarikat penerima pelaburan dalam TT 2019 melebihi pendapatan agregatnya (RM450,000). Amaun lebih pelaburan (RM50,000) yang dibuat dalam TT 2019 adalah diabaikan dan tidak boleh dihantar ke hadapan ke TT 2022 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya bagi tujuan pengecualian cukai.

**Contoh 4**


Chua telah ditauliahkan sebagai seorang pelabur mangkin oleh MBAN. Punca pendapatannya adalah seperti berikut:

- (a) penggajian;
- (b) dua (2) perniagaan milikan tunggal; dan
- (c) dua (2) perkongsian.

Chua telah melabur RM200,000 daripada dana peribadinya dalam syarikat permulaan, XYZ Ventures Sdn Bhd pada 20.12.2019. XYZ Ventures Sdn Bhd telah diperakui sebagai sebuah syarikat penerima pelaburan oleh ATIO dan permohonan pelaburan telah dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan. Syarikat penerima pelaburan menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Kerugian perniagaan yang dibawa ke hadapan adalah RM70,000 dan pendapatan agregat Chua bagi TT 2021 adalah seperti berikut:

<b>Punca Pendapatan</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pendapatan berkanun daripada Perniagaan 1 (Kerugian - RM50,000)		Tiada
Pendapatan berkanun daripada Perniagaan 2		45,000
		<u>45,000</u>
Pendapatan berkanun daripada Perkongsian 1 (Kerugian – RM40,000)	Tiada	
Pendapatan berkanun daripada Perkongsian 2	55,000	
		<u>55,000</u>
Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan		100,000
Tolak:		
Kerugian perniagaan dibawa ke hadapan		<u>70,000</u>
Jumlah pendapatan berkanun daripada perniagaan		30,000
Pendapatan berkanun daripada penggajian		<u>35,000</u>
Pendapatan agregat		65,000
Tolak:		
Pelaburan yang diluluskan di bawah insentif cukai bagi pelabur mangkin	200,000	
Terhad kepada	<u>65,000</u>	65,000
Diabaikan	<u>135,000</u>	
Jumlah pendapatan		<u><u>Tiada</u></u>
Kerugian perniagaan tahun semasa	RM50,000	
Kerugian perkongsian tahun semasa	<u>RM40,000</u>	
Kerugian perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan	<u>RM90,000</u>	

Tempoh pemegangan syer Chua dan kelayakan untuk pengecualian cukai diringkaskan seperti berikut:



Bagi TT 2021, Chua tidak dikenakan cukai kerana amaun pelaburan (RM200,000) yang dibuat dalam syarikat penerima pelaburan dalam TT 2019 melebihi pendapatan agregatnya (RM65,000). Amaun lebih pelaburan (RM135,000) yang dibuat dalam TT 2019 diabaikan dan tidak boleh dihantar ke hadapan ke TT 2022 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

### Contoh 5

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 4. Chua membuat pelaburan tambahan sebanyak RM200,000 dan RM100,000 (pelaburan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan) masing-masing pada 20.12.2020 dan 1.6.2021. Pendapatan agregatnya bagi TT 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

#### TT 2022


Punca Pendapatan	RM	RM
Pendapatan berkanun daripada Perniagaan 1		100,000
Pendapatan berkanun daripada Perniagaan 2		90,000
		<hr/> 190,000
Pendapatan berkanun daripada Perkongsian 1	80,000	
Pendapatan berkanun daripada Perkongsian 2	120,000	
	<hr/>	200,000
Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan		<hr/> 390,000

Tolak:	
Kerugian perniagaan dibawa ke hadapan	90,000
Jumlah pendapatan berkanun daripada perniagaan	300,000
Pendapatan berkanun daripada penggajian	80,000
Pendapatan agregat	380,000
Tolak:	
Pelaburan yang diluluskan di bawah insentif cukai bagi pelabur mangkin	200,000
Jumlah pendapatan	180,000

**TT 2023**

<b>Punca Pendapatan</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pendapatan berkanun daripada Perniagaan 1		150,000
Pendapatan berkanun daripada Perniagaan 2		90,000
		240,000
Pendapatan berkanun daripada Perkongsian 1 (Kerugian – RM50,000)	Tiada	
Pendapatan berkanun daripada Perkongsian 2	60,000	
		60,000
Jumlah pendapatan berkanun daripada perniagaan		300,000
Pendapatan berkanun daripada penggajian		90,000
Pendapatan agregat		390,000
Tolak:		
Pelaburan yang diluluskan di bawah insentif cukai bagi pelabur mangkin		100,000
		290,000
Tolak:		
Kerugian perkongsian tahun semasa		50,000
Jumlah pendapatan		240,000

Tempoh pemegangan syer Chua dan kelayakan untuk pengecualian cukai diringkaskan seperti berikut:



#### 8. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan

Seorang pelabur mangkin hendaklah mematuhi peruntukan berkaitan dalam ACP dan mengemukakan borang nyata cukai pendapatan yang berkaitan bagi setiap TT pada atau sebelum tarikh ditetapkan. Seorang pelabur mangkin perlu mengemukakan penyata akaun (jika berkenaan) atau apa-apa maklumat lain apabila diperlukan.

#### 9. Ketidakkpakaian

Seorang pelabur individu yang telah membuat tuntutan potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka) 2005 [P.U.(A) 76/2005] adalah tidak layak untuk menuntut pengecualian cukai sebagai seorang pelabur mangkin di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2014 [P.U (A) 167/2014].

#### 10. Perbezaan antara Pemodal Teroka dan Pelabur Mangkin

Perbezaan ketara antara pemodal teroka dan seorang pelabur mangkin adalah seperti berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Pemodal Teroka</b>	<b>Pelabur Mangkin</b>
Jenis Pelabur	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu pemastautin yang mempunyai pendapatan perniagaan (individu yang mempunyai pendapatan penggajian / sewa / faedah / dividen dan sebagainya atau gabungannya adalah tidak layak)</li> <li>Sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu pemastautin (syarikat adalah tidak layak)</li> <li>Individu yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan dan mempunyai pendapatan tetapi tidak diperoleh daripada punca perniagaan semata-mata (individu yang hanya mempunyai pendapatan perniagaan sahaja adalah tidak layak)</li> </ul>
Bentuk Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemerolehan syer biasa</li> <li>Sekurang-kurangnya 70% daripada dananya yang dilaburkan dalam syarikat teroka ketika membuat pelaburan pertama, atau di mana pelaburan itu dalam bentuk modal benih, sekurang-kurangnya 50% daripada dananya yang dilaburkan pada masa pelaburan pertama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemerolehan syer biasa yang dibayar sepenuhnya dan secara tunai (bukan dalam bentuk barangan)</li> <li>Tidak melebihi 30% daripada keseluruhan modal syer berbayar (syer biasa) syarikat penerima pelaburan</li> </ul>
Tarikh Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mulai TT 2003 dan seterusnya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.1.2013 hingga 31.12.2023</li> </ul>
Badan Kawal Selia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Suruhanjaya Sekuriti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>MBAN dan Cradle Fund Sdn Bhd</li> </ul>
Tujuan Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melabur dalam syarikat teroka dalam bentuk pembiayaan modal benih,</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melabur dalam syarikat penerima pelaburan</li> </ul>

<b>Perkara</b>	<b>Pemodal Teroka</b>	<b>Pelabur Mangkin</b>
	permulaan atau peringkat awal	dalam bentuk pembiayaan permulaan
Insentif Cukai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengecualian pendapatan berkanun daripada semua punca pendapatan, selain daripada pendapatan faedah daripada simpanan atau simpanan tetap dan keuntungan daripada simpanan berasaskan Syariah mulai dari TT syarikat modal teroka memulakan perniagaan atau TT 2008; atau</li> <li>• Potongan suatu amaun yang bersamaan dengan nilai pelaburan yang dibuat dalam tempoh asas bagi suatu TT bagi syarikat teroka untuk mengira pendapatan larasannya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amaun pendapatan agregat yang dikecualikan adalah sama dengan amaun pelaburan yang dibuat dalam syarikat penerima pelaburan untuk tempoh setahun, tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM500,000</li> </ul>
Layanan Cukai ke atas Kerugian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerugian daripada jualan syer syarikat teroka dalam tempoh pengecualian dihantar ke hadapan selepas tempoh pengecualian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amaun pelaburan yang melebihi pendapatan agregat akan diabaikan</li> </ul>
Tempoh Pemakaian Insentif Cukai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh pengecualian 10 tahun atau tahun-tahun taksiran yang bersamaan dengan hayat dana yang ditubuhkan bagi tujuan pelaburan dalam sebuah syarikat teroka, yang mana lebih pendek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada TT kedua berikutan TT di mana pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan dibuat</li> </ul>

<b>Perkara</b>	<b>Pemodal Teroka</b>	<b>Pelabur Mangkin</b>
Perundangan Subsidiari Berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.11) 2005 [P.U.(A) 75/2005]</li> <li>Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka) 2005 [P.U.(A) 76/2005]</li> <li>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) (No.2) 2006 [P.U.(A) 420/2006]</li> <li>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 159/2009]</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2014 [P.U.(A) 167/2014]</li> <li>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2015 [P.U.(A) 42/2015]</li> <li>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014 (Pindaan) 2017 [P.U.(A) 411/2017]</li> <li>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014 (Pindaan) 2019 [P.U.(A) 399/2019]</li> </ul>
Saling Eksklusif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka) 2005 [P.U.(A) 76/2005] tidak terpakai sekiranya tuntutan telah dibuat di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.11) 2005 [P.U.(A) 75/2005]</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2014 [P.U.(A) 167/2014] tidak terpakai sekiranya tuntutan telah dibuat di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka) 2005 [P.U.(A) 76/2005]</li> </ul>



## 11. Kemaskini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 11/2015 bertarikh 16 Disember 2015.	Pindaan	
	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemas kini seperti berikut:	
	Perenggan	Penjelasan
	2	Perenggan 2 dikemas kini.
	5	Perenggan 5(iv) dikemas kini.
	6	Perenggan 6(a) dikemas kini.
	7.5	Contoh 2,3,4 dan 5 dipinda dan dikemas kini.
	10	Penjelasan item "Jenis Pelabur" dikemas kini.  Penjelasan item "Tarikh Permohonan" dikemas kini. Penjelasan item "Perundangan Subsidiari Berkaitan" dipinda dan dikemas kini.

## 12. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**